

Pendengaran kes PM saman Pua pada April 2018

MalaysiaKini.com

29 November, 2017

Perdana menteri dijadual memanggil lima saksi untuk memberi keterangan dalam samannya terhadap Tony Pua berhubung kenyataan anggota parlimen Petaling Jaya Utara yang mendakwa cadangan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 bertujuan mengalih perhatian daripada isu 1MDB.

Perkara ini didedahkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, yang mahkamah turut dimaklumkan Pua akan memanggil 20 orang saksi.

Hakim Datuk Mohd Zaki Abdul Wahab menetapkan pendengaran selama lima hari bermula 23 April tahun depan.

Datuk Seri Najib Razak memfailkan saman itu pada April lalu dengan mendakwa Pua menggambarkan beliau menyalahgunakan kuasa dengan mengarahkan kabinet, melalui speaker Dewan Rakyat, untuk membenarkan pembentangan usul itu oleh Presiden PAS Datuk Seri Najib Razak untuk mengalih perhatian terhadap isu 1MDB.

Pua didakwa berkata demikian dalam sesi Facebook live di parlimen.

Copyright © 1999-2016 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/403751>